



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**HARI KELEPASAN AM PADA 28 NOVEMBER 2022**

1. YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengisytiharkan cuti umum pada hari **Isnin, 28 November 2022**. Cuti ini telah diisytiharkan di bawah Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] yang juga merupakan cuti umum yang diperuntukkan kepada pekerja di sektor swasta menurut Seksyen 60D (1)(b) Akta Kerja 1955.
2. Sehubungan dengan itu, majikan boleh memberikan cuti pada hari Isnin, bertarikh 28 November 2022 **atau majikan boleh menggantikan mana-mana hari lain** sebagai ganti cuti umum bergaji kepada pekerja. Majikan dikehendaki berbincang dengan pekerja mereka sama ada memilih tarikh tersebut sebagai cuti umum atau menggantikannya dengan tarikh yang lain.
3. Sekiranya tiada penggantian, pekerja yang bekerja pada tarikh tersebut **layak menerima kadar gaji bagi cuti umum**. Kementerian menggesa majikan untuk memenuhi pemberian hari cuti umum tambahan tersebut kepada para pekerja.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
25 NOVEMBER 2022**